

Topik: Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan

Analisa urus niaga dan Catatan bergu

MEREKOD URUS NIAGA SECARA SISTEMATIK

- Bagi tujuan merekod urus-urus niaga dalam buku perakaunan, seseorang penyedia akaun mesti memahami dua langkah kognitif, iaitu:

Langkah 1: Proses Analisa Urus niaga

- Proses ini melibatkan aktiviti menganalisa setiap urus niaga dan peristiwa perniagaan dan menentukan kesannya terhadap akaun-akaun.
- Sesuatu urus niaga akan mempunyai kesan tambah atau kurang terhadap baki akaun-akaun yang terlibat.
- Selepas itu, elemen penyata kewangan (aset, liabiliti, ekuiti pemilik, hasil atau belanja) untuk akaun-akaun yang terlibat dikenal pasti bagi tujuan menentukan catatan yang perlu dilakukan mengikut sistem catatan bergu.
- Bagi tujuan pembelajaran, pelajar perlu melakukan analisa urus niaga ini dengan menunjukkan kesan setiap urus niaga atas persamaan perakaunan untuk membuktikan kesan dwi-aspek setiap urus niaga.

Langkah 2: Proses Penentuan catatan bergu

- Proses ini memerlukan penentuan akaun yang perlu didebitkan dan akaun yang perlu dikreditkan.
- Peraturan catatan bergu dikaitkan dengan kesan atas akaun-akaun yang terlibat. Elemen penyata kewangan yang berkaitan yang diperoleh daripada Langkah 1 digunakan sebagai asas penentuan. Peraturan catatan bergu adalah seperti di bawah:

Peraturan Catatan Bergu		
Jenis akaun	Debit	Kredit
Aset	Bertambah	Berkurang
Liabiliti	Berkurang	Bertambah
Ekuiti pemilik	Berkurang	Bertambah
Hasil	Berkurang	Bertambah
Belanja	Bertambah	Berkurang

Peraturan catatan bergu dalam format akaun:

Akaun-akaun Aset	
+	-
(Bertambah)	(Berkurang)

Akaun-akaun Liabiliti	
-	+
(Berkurang)	(Bertambah)

Akaun-akaun Ekuiti Pemilik	
-	+
(Berkurang)	(Bertambah)

Akaun-akaun Hasil	
-	+
(Berkurang)	(Bertambah)

Akaun-akaun Belanja	
+	-
(Bertambah)	(Berkurang)

Memahami langkah 1: Analisa urus niaga

Melakukan analisis urus niaga bagi beberapa contoh urus niaga.

Urus niaga 1: Kamil memulakan perniagaan dengan wang tunai RM5,000.

Akaun terlibat dan kesannya	Akaun Modal dan Akaun Tunai Akaun Modal bertambah sebanyak RM5,000 dan Akaun Tunai pun bertambah sebanyak RM5,000
Elemen Penyata kewangan	Akaun Modal dikelaskan di bawah Ekuiti Pemilik Akaun Tunai dikelaskan di bawah Aset
Kesan atas Jadual Persamaan Perakaunan	Ekuiti Pemilik bertambah Aset bertambah

Urus niaga 2: Kamil meminjam RM5,000 tunai daripada kawannya.

Akaun terlibat dan kesannya	Akaun Pinjaman dan Akaun Tunai Akaun Pinjaman bertambah sebanyak RM5,000 dan Akaun Tunai pun bertambah sebanyak RM5,000
Elemen Penyata kewangan	Akaun Pinjaman dikelaskan di bawah Liabiliti Akaun Tunai dikelaskan di bawah Aset
Kesan atas Jadual Persamaan Perakaunan	Liabiliti bertambah Aset bertambah

Urus niaga 3: Memindahkan RM9,200 dari tunai ke akaun bank perniagaan

Akaun terlibat dan kesannya	Akaun Tunai dan Akaun Bank Akaun Tunai berkurang sebanyak RM9,200 dan Akaun Bank akan bertambah sebanyak RM9,200
Elemen Penyata kewangan	Akaun Tunai dikelaskan di bawah Aset Akaun Bank dikelaskan di bawah Aset
Kesan atas Jadual Persamaan Perakaunan	Aset (Tunai) berkurang Aset (Bank) bertambah

Urus niaga 4: Memasang alat hawa dingin bernilai RM1,200 yang dibayar secara cek

Akaun terlibat dan kesannya	Akaun Lengkapan dan Akaun Bank Akaun Lengkapan bertambah sebanyak RM1,200 dan Akaun Bank akan berkurang sebanyak RM1,200
Elemen Penyata kewangan	Akaun Lengkapan dikelaskan di bawah Aset Akaun Bank dikelaskan di bawah Aset
Kesan atas Jadual Persamaan Perakaunan	Aset (Lengkapan) bertambah Aset (Bank) berkurang

Urus niaga 5: Membeli barang niaga berjumlah RM750 secara kredit

Akaun terlibat dan kesannya	Akaun Inventori dan Akaun belum bayar Akaun Inventori bertambah sebanyak RM750 dan Akaun belum bayar bertambah sebanyak RM750
Elemen Penyata kewangan	Akaun Inventori dikelaskan di bawah Aset Akaun belum bayar dikelaskan di bawah Liabiliti
Kesan atas Jadual Persamaan Perakaunan	Aset (Inventori) bertambah Liabiliti (Akaun belum bayar) bertambah

Urus niaga 6: Membayar sewa premis kedai secara cek RM420.

Akaun terlibat dan kesannya	Akaun Sewa dan Akaun Bank Akaun Sewa bertambah sebanyak RM420 dan Akaun Bank berkurang sebanyak RM420
Elemen Penyata kewangan	Akaun Sewa dikelaskan di bawah Ekuiti Pemilik Akaun Bank dikelaskan di bawah Aset
Kesan atas Jadual Persamaan Perakaunan	Ekuiti Pemilik (Modal) berkurang Aset (Bank) berkurang *Sewa adalah belanja. Apabila belanja bertambah, ia akan memberi kesan negatif kepada Ekuiti Pemilik. Kesan sewa juga boleh ditunjukkan atas untung bersih atau belanja jika jadual persamaan perakaunan mengadakan ruangan berasingan bagi untung bersih atau belanja.

Urus niaga 7: Membeli komputer berharga RM3,200 dengan membayar RM1,200 secara cek dan bakinya selepas dua bulan.

Akaun terlibat dan kesannya	Akaun Alatan pejabat, Akaun Bank dan Akaun Pinjaman Akaun Alatan pejabat bertambah sebanyak RM3,200, Akaun Bank berkurang sebanyak RM1,200 dan Akaun Pinjaman bertambah sebanyak RM2,000.
Elemen Penyata kewangan	Akaun Alatan pejabat dikelaskan di bawah Aset Akaun Bank dikelaskan di bawah Aset Akaun Pinjaman dikelaskan di bawah Liabiliti
Kesan atas Jadual Persamaan Perakaunan	Aset (Alatan pejabat) bertambah Aset (Bank) berkurang Liabiliti (Pinjaman) bertambah

Urus niaga 8: Memjual barang niaga berkos RM400 pada harga RM780 secara tunai.

Akaun terlibat dan kesannya	Akaun Invnetori, Akaun Tunai dan Akaun Modal Akaun Inventori berkurang sebanyak RM400, Akaun Tunai bertambah sebanyak RM780 dan Akaun Modal bertambah sebanyak RM380.
Elemen Penyata kewangan	Akaun Inventori dikelaskan di bawah Aset Akaun Tunai dikelaskan di bawah Aset Akaun Modal dikelaskan di bawah Ekuiti Pemilik
Kesan atas Jadual Persamaan Perakaunan	Aset (inventori) berkurang Aset (Tunai) bertambah Ekuiti Pemilik (Modal) bertambah

Menunjukkan kesemua urus niaga di atas dalam format Jadual Persamaan Perakaunan serta penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan
Jadual Persamaan Perakaunan (asas)

Urus Niaga	ASET					LIABILITI		EKUITI PEMILIK
	Lengkapan	Alatan pejabat	Inventori	Bank	Tunai	Akaun belum bayar	Pinjaman	Modal
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki awal								
1.					+5,000			+5,000
2.					+5,000		+5,000	
3.				+9,200	-9,200			
4.	+1,200			-1,200				
5.			+750			+750		
6.				-420				-420
7.		+3,200		-1,200			+2,000	
8.			-400		+780			+380
Baki akhir	1,200	3,200	350	6,380	1,580	750	7,000	4,960
Jumlah	12,710					12,710		

*Perniagaan ini tiada baki awal kerana ia baru dimulakan.

Penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan

Perniagaan Kamil			
Penyata kedudukan kewangan pada akhir tempoh kewangan			
	RM		RM
Lengkapan	1,200	Modal	4,960
Alatan pejabat	3,200		
Inventori	350	Akaun belum bayar	750
Bank	6,380	Pinjaman	7,000
Tunai	1,580		
	12,710		12,710

Conoth 2:

Urus niaga Perniagaan Kalai

Tarikh	Urus niaga
2017 Jan 1	Kalai memasukkan RM50,000 dalam Akaun Bank sebagai modal permulaan perniagaan runcitnya
Jan 2	Kalai membeli perabot bernilai RM5,000 dengan cek
Jan 3	Kalai membeli barang niaga bernilai RM2,000 dengan cek
Jan 4	Kalai membeli barang niaga secara kredit daripada Pembekal Mahesha sebanyak RM1,000
Jan 5	Kalai meminjam wang daripada bank sebanyak RM10,000
Jan 6	Kalai mengambil barangniaga sebanyak RM400 untuk kegunaan sendiri
Jan 7	Kalai membayar sebahagian daripada hutang Pembekal Mahesha dengan cek RM500
Jan 8	Kalai membawa masuk perabot ke dalam perniagaan bernilai RM3,000 dari rumahnya.

Analisis kesan setiap urus niaga terhadap aset, liabiliti dan ekuiti pemilik:

Tarikh Urus niaga	Kesan Urus niaga		
	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Jan 1	Bank bertambah	-	Modal bertambah
2	Perabot bertambah Bank berkurang	-	-
3	Inventori bertambah Bank berkurang	-	-
4	Inventori bertambah	Pemiutang bertambah	-
5	Bank bertambah	Pinjaman bertambah	-
6	Inventori berkurang	-	Modal berkurang
7	Bank berkurang	Pemiutang berkurang	-
8	Perabot berkurang	-	Modal berkurang

Jadual Persamaan Perakaunan (asas)

Tarikh Urusniaga	Aset			=	Liabiliti + Ekuiti Pemilik		
	Bank	Perabot	Inventori		Akaun belum bayar	Pinjaman	Modal
	RM	RM	RM		RM	RM	RM
Baki awal							
Jan 1	+50,000						+50,000
2	-5,000	+5,000					
3	-2,000		+2,000				
4			+1,000		+1,000		
5	+10,000					+10,000	
6			-400				-400
7	-500				-500		
8		+3,000					+3,000
Baki akhir	52,500	8,000	2,600		500	10,000	52,600
Jumlah	63,100			=	63,100		

*Perniagaan ini tiada baki awal kerana ia baru dimulakan.

Penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan

Perniagaan Kalai			
Penyata kedudukan kewangan pada 8 Januari 2017			
	RM		RM
Perabot	8,000	Modal	52,600
Inventori	2,600	Akaun belum bayar	500
Bank	52,500	Pinjaman	10,000
	63,100		63,100

Contoh 3: Menunjukkan kesan atas untung bersih secara berasingan

Soalan:

Baki-baki berikut telah diambil daripada buku perakaunan Perniagaan Kassim pada 31 Januari 2017:

	RM
Perabot	5,000
Tunai	600
Bank	12,800
Akaun belum terima	6,400
Inventori	14,000
Modal	28,000
Untung bersih	7,200
Akaun belum bayar	3,800

Urus-urus niaga berikut telah berlaku pada tempoh pertama bulan Februari 2017:

Feb 5	Jualan inventori bernilai RM1,000 secara tunai pada harga RM1,500.
Feb 10	Bayar sewa kedai berjumlah RM800 dengan cek.
Feb 14	Jualan kredit pada harga RM2,000. Kos barang niaga ialah RM1,200.
Feb 15	Terima komisen RM250 secara tunai.

Dikehendaki:

- Sediakan satu jadual persamaan perakaunan yang menunjukkan kesan urus-urus niaga di atas.
- Sediakan penyata kedudukan kewangan Perniagaan Kassim pada 15 Februari 2015.

Jawapan:

Gerak kerja:

Kesan urus niaga atas aset, liabiliti dan ekuiti pemilik

Tarikh Urus niaga	Kesan Urusniaga		
	Aset	Liabiliti	Ekuiti pemilik
Feb 5	Tunai bertambah Inventori berkurang	-	Untung bersih bertambah
Feb 10	Bank berkurang	-	Untung bersih berkurang
Feb 14	Akaun belum terima bertambah Inventori berkurang	-	Untung bersih bertambah
Feb 15	Tunai bertambah	-	Untung bersih bertambah

(a) Penyediaan Jadual Persamaan Perakaunan dengan ruangan Untung Bersih

Tarikh Urus Niaga	ASET					LIABILITI	EKUITI PEMILIK	
	Perabot	Inventori	Akaun belum terima	Bank	Tunai	Akaun belum bayar	Modal	Untung bersih
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Feb 1	5,000	14,000	6,400	12,800	600	3,600	28,000	7,200
5		-1,000			+1,500			+500
10				-800				-800
14		-1,200	+2,000					+800
15					+250			+250
Baki akhir	5,000	11,800	8,400	12,000	2,350	3,600	28,000	7,950
JUMLAH	39,550					39,550		

(b) Penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan

Perniagaan Kassim			
Penyata kedudukan kewangan pada 15 Februari 2017			
	RM		RM
Perabot	5,000	Modal	28,000
Inventori	11,800	Untung bersih	7,950
Akaun belum terima	8,400		
Bank	12,000	Akaun belum bayar	3,600
Tunai	2,350		
	39,550		39,550

Memahami langkah 2: Menentukan akaun yang perlu didebitkan dan dikreditkan

- Penentuan catatan bergu akan menggunakan dua maklumat yang diperoleh daripada proses analisa urus niaga, iaitu:
 1. Kesan urus niaga atas akaun-akaun (Tambah / Kurang).
 2. Elemen penyata kewangan bagi akaun-akaun terlibat.
- Peraturan catatan bergu seperti yang telah diberikan pada permulaan nota ini diaplikasikan berdasarkan kepada kesan atas elemen penyata kewangan.
- Misalnya, analisis sesuatu urus niaga telah mengenalpastikan bahawa Tunai dan Modal bertambah. Tunai adalah satu jenis akaun aset dan modal adalah satu jenis akaun ekuiti pemilik. Mengikut peraturan catatan bergu, akaun didebitkan apabila bertambah dan akaun ekuiti pemilik dikreditkan apabila bertambah. Maka, catatan bergunya:

**Akaun Tunai didebitkan, dan:
Akaun Modal dikreditkan.**

Contoh penentuan catatan bergu bagi setiap urus niaga yang telah melalui proses analisa urus niaga di atas:

Urus Niaga	Kesan niaga akaun (bertambah / berkurang)	Elemen penyata kewangan terlibat	Amalan peraturan catatan bergu	Akaun didebitkan dan akaun dikreditkan
1	Tunai bertambah Modal bertambah	Aset Ekuiti pemilik	Debit apabila aset bertambah Kredit apabila ekuiti pemilik bertambah	Akaun Tunai didebitkan Akaun Modal dikreditkan
2	Tunai bertambah Pinjaman bertambah	Aset Liabiliti	Debit apabila aset bertambah Kredit apabila liabiliti bertambah	Akaun Tunai didebitkan Akaun Pinjaman dikreditkan
3	Bank bertambah Tunai berkurang	Aset Aset	Debit apabila aset bertambah Kredit apabila aset berkurang	Akaun Bank didebitkan Akaun Tunai dikreditkan
4	Lengkapan bertambah Bank berkurang	Aset Aset	Debit apabila aset bertambah Kredit apabila aset berkurang	Akaun Lengkapan didebitkan Akaun Bank dikreditkan
5	Inventori bertambah Akaun belum bayar berkurang	Aset Liabiliti	Debit apabila aset bertambah Kredit apabila liabiliti bertambah	Akaun Inventori didebitkan Akaun belum bayar dikreditkan
6	Sewa bertambah Bank berkurang	Belanja Aset	Debit apabila belanja bertambah Kredit apabila aset berkurang	Akaun Sewa didebitkan Akaun Bank dikreditkan
7	Alatan pejabat bertambah Bank berkurang Pinjaman bertambah	Aset Aset Liabiliti	Debit apabila aset bertambah Kredit apabila aset berkurang Kredit apabila liabiliti bertambah	Akaun Alatan pejabat didebitkan Akaun Bank dikreditkan Akaun Pinjaman dikreditkan
8	Tunai bertambah Inventori berkurang Modal bertambah	Aset Aset Ekuiti pmeilik	Debit apabila aset bertambah Kredit apabila aset berkurang Kredit apabila ekuiti pemilik bertambah	Akaun Tunai didebitkan Akaun Inventori dikreditkan Akaun Modal dikreditkan

- Dari perspektif perekodan urus niaga, proses analisa urus niaga adalah satu proses kognitif (mental) yang membantu penyedia akaun untuk menentukan catatan bergu bagi urus-urus niaga. Dari perspektif pembelajaran, jadual persamaan perakaunan disediakan sebagai hasil ketara daripada proses kognitif ini.
- Proses analisa urus niaga dan penentuan catatan bergu bagi setiap urus niaga adalah satu aktiviti asas dan penting bagi perekodan urus niaga perniagaan dengan betul. Oleh yang demikian, kebanyakan kertas peperiksaan Prinsip Perakaunan akan melibatkan penyediaan jadual persamaan perakaunan bagi menguji pemahaman pelajar berkaitan dengan konsep asas perekodan mengikut sistem dwi-aspek ini (sistem catatan bergu).

**“CUBA SOALAN-SOALAN OBJEKTIF
DAN SUBJEKTIF YANG
DISEDIAKAN BERKAITAN DENGAN
TOPIK INI”**